



Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
No. Telefon: 03-80642400
No. Fax: 03-80635420
E-mel: ndcc@nadma.gov.my; opsroom@nadma.gov.my

NOTIS KESIAPSIAGAAN OPERASI BENCANA



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR & PERUBAHAN
IKLIM



Masa dikeluarkan:
4:00 petang; 6 Mei 2019

WASPADA: Hujan lebat dijangka berlaku
Perlis • Kedah • Pulau Pinang

7 Mei 2019 – 8 Mei 2019

Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) pada **04.00 petang, 06 Mei 2019** telah mengeluarkan **Amaran Cuaca Waspada** bagi negeri **Perlis, Kedah dan Pulau Pinang** berkuatkuasa pada **07 - 08 Mei 2019**.

Sehubungan dengan itu, semua **Pusat Operasi/Kawalan Bencana Peringkat Pusat** seperti **Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam, Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang** bersiap sedia menghadapi pelbagai bencana yang dijangka berlaku terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi seperti banjir, tanah runtuh, ribut, tanah mendap, hakisan pantai dan sebagainya.

Semua Pusat Operasi/Kawalan Bencana Peringkat Pusat hendaklah memanjangkan Notis ini ke peringkat Negeri dan Daerah.

Semua Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) serta pusat-pusat pemindahan hendaklah berada di tahap kesiapsiagaan yang tinggi bagi menghadapi bencana yang bakal berlaku terutama di kawasan yang berisiko tinggi. Pihak PKOB Negeri/Daerah juga dimohon untuk memastikan setiap pusat pemindahan dilengkapi dengan keperluan asas dan PKTK memastikan segala aset pengoperasian mencukupi serta berada di dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk digunakan.

NADMA melalui Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) sentiasa memantau keadaan cuaca dan kejadian bencana yang berlaku di seluruh negara. NDCC juga sentiasa dalam kesiapsiagaan menerima maklumat berkenaan bencana dan bantuan pengurusan dan pengoperasian bencana dari semasa ke semasa melalui nombor telefon 03-80642400, faksimili 03-80635420 dan alamat e-mel opsroom@nadma.gov.my.

Sekian, terima kasih.

Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)
Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
Jabatan Perdana Menteri
06 Mei 2019